

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

Kerjasama Strategik CIDB Malaysia Dan MPRC Memperkukuh Kompetensi Industri Perkhidmatan Dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE)

Kuala Lumpur, [8 Ogos 2025] –Program lawatan rasmi dan majlis pertukaran dokumen kerjasama telah diadakan pada hari ini di antara Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC) dan CIDB Malaysia, bertempat di Kompleks CIDB Negeri Johor. Majlis ini turut menyaksikan sesi penyerahan surat pelantikan kepada CIDB Holdings Sdn Bhd sebagai penyelaras pelaksanaan **Program Capability Building for OGSE Talents**.

Majlis telah disempurnakan oleh **YBrs Puan Zainora Zainal**, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia bersama **Encik Mustafa Akbar Reza**, Naib Presiden Kanan merangkap Ketua Bahagian Operasi MPRC, serta barisan pengurusan tertinggi dari CIDB Malaysia, CIDB Holdings, Akademi Binaan Malaysia dan CIDB Technologies.

Program kerjasama ini dilaksanakan melalui model pembiayaan bersama (co-funding) antara CIDB Malaysia dan MPRC dengan nisbah 50:50, melibatkan latihan kemahiran dan pensijilan industri untuk sekurang-kurangnya 200 peserta tempatan dalam sektor perkhidmatan dan peralatan minyak & gas (OGSE).

Program ini menyasarkan penyertaan daripada pelbagai kumpulan termasuk bakat tempatan sedia ada dalam sektor OGSE, alumni program kompetensi CIDB, individu yang telah menyertai skim pemisahan sukarela (VSS), serta tenaga kerja sektor pembinaan yang berminat untuk beralih ke industri OGSE. Latihan akan dilaksanakan di Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan CIDB Technologies (CIDB Tech) di negeri

Sarawak, Sabah dan Johor bermula dari 15 Julai hingga 15 Oktober 2025, melibatkan bidang kemahiran seperti **Scaffold Erector, Welding 6G, Non-Destructive Testing (NDT – Magnetic & Penetrant)** dan **Blasting & Painting**.

CIDB menyokong penuh program ini melalui tajaan latihan menerusi Program Personel Binaan, penyediaan fasiliti serta pengajar bertauliah melalui ABM dan CIDB Tech.

Menurut Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha menyeluruh bagi memastikan sektor pembinaan terus berkembang dengan sokongan tenaga kerja **berkemahiran, kompeten dan bersedia menyokong industri strategik negara**.

CIDB Malaysia akan terus memberikan komitmen dalam memperkukuh pembangunan kompetensi melalui dasar akreditasi, latihan industri dan kerjasama antara agensi.

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Mengenai MPRC

Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC) ialah agensi di bawah Kementerian Ekonomi yang memajukan sektor Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE). Ditubuhkan pada 2011, MPRC bertindak sebagai penyelaras Pelan Induk OGSE 2021–2030. Ia turut menggalakkan peralihan syarikat OGSE ke arah tenaga bersih dan mampan.

Mengenai CIDB Holdings

CIDB Holdings Sdn Bhd ialah anak syarikat milik penuh CIDB Malaysia yang melaksanakan program latihan, pensijilan dan projek strategik bagi menyokong pembangunan industri pembinaan negara.

Mengenai ABM dan CIDB Technologies

Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan **CIDB Technologies** ialah institusi latihan TVET Pembinaan di bawah seliaan CIDB Malaysia yang ditubuhkan khusus untuk melahirkan tenaga kerja mahir dalam industri pembinaan melalui program latihan kemahiran teknikal, penilaian dan pensijilan kompetensi.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:

CIDB Malaysia ukk@cidb.gov.my

MPRC ellina.badri@mprc.gov.my

CIDB Holdings corpcomm@cidbh.com.my